



**BALAI SENI NEGARA**  
**2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,**  
**53200 Kuala Lumpur.**

**Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998**

**Email: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my)**

**Website: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)**



**KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI & BUDAYA MALAYSIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **SIARAN MEDIA**

# **CITRAWARNA KELUARGA MALAYSIA**

18 Februari 2022 – ‘Temasya Kepelbagaian Budaya’ menjadi tema penganjuran program Citrawarna Keluarga Malaysia anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia pada tahun ini. Selaras dengan tema yang diangkat, Balai Seni Negara membawakan beberapa kelainan dalam pameran yang bakal berlangsung pada 24 sehingga 27 Februari 2022 dari jam 10 pagi hingga 6 petang di tapak pameran Citrawarna Waterfront, Kuching, Sarawak.

Majlis perasmian Citrawarna Keluarga Malaysia akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob pada 26 Februari 2022, jam 8 malam dan akan turut dihadiri Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri.

Pameran yang bakal diadakan ini akan memperlihatkan satu demonstrasi lukisan dan seni ‘Calligrafitti’ yang dilaksanakan oleh Kelab Jiwa Seni 9lives Kuching (9lives). Kelab ini merupakan sebuah kolektif seni yang bertempat di Kuching, Sarawak yang diwakili oleh 3 orang anak muda tempatan iaitu D2K, Amy Amin dan Dhia Roslan. Mereka merupakan pelukis yang aktif dalam platform *non-fungible token* (NFT).

Balai Seni Negara turut membawakan seorang penggiat seni kreatif iaitu Dayangku Nohidayah Pg. Imran dari Sabah dan Brandon Anak Simon Scott yang merupakan alumni program Young Art Entrepreneurs (YAE!). Pada masa yang sama peserta daripada Bakat Muda Sezaman 2021 yang bertemakan ‘Seni di Lokasi’ akan turut serta dalam pameran ini.

“Program Balai Seni Negara ini bertujuan memperlihatkan kepada golongan muda tentang aktiviti masyarakat di pengkalan, jeti dan dermaga adalah warisan budaya yang perlu diperkasakan semula dan penuh potensi di masa depan dengan ledakan kreativiti masa kini. Ia juga adalah ke arah usaha melestarikan seni budaya melalui minat terkini serta potensi kreativiti golongan muda dalam sarwajagat ekonomi dan keamanan Tenggara Asia dan antarabangsa.” ujar Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara.

Dalam pada itu, kepelbagaian etnik Sarawak dan budaya juga akan diperlihatkan kepada khalayak menerusi visual lukisan dan demonstrasi seni ‘calligrafitti’. Bahan

yang akan digunakan bagi demonstrasi seni 'calligrafitti' ini ialah cat minyak, *silk screen*, bahan terbuang dan semburan cat.

Justeru, kelainan ini akan menjadi tarikan baharu dalam mempromosikan keunikan budaya melalui perkongsian di media sosial oleh setiap lapisan masyarakat.

Maklumat lanjut mengenai program ini, layari laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my) atau ikuti laman sosial rasmi Balai Seni Negara.

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**National Art Gallery**

**Sarifah Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Wan Nor Hidayah Wan Idris**

T: +60 17 987 3303

E: [hidayah@artgallery.gov.my](mailto:hidayah@artgallery.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat  
Balai Seni Negara, Malaysia  
No. 2 Jalan Temerloh, OFF Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998  
E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)**